

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di seluruh negara, berapa dana awam yang telah digunakan dan berapa TKPM yang gagal diusahakan atau yang tidak diusahakan sehingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan sebahagian kawasan rizab yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian, akuakultur dan penternakan. Ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dan penyertaan golongan sasar dalam bidang pengeluaran agromakanan.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menandatangani memorandum persefahaman bagi pembangunan TKPM yang menggariskan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan melalui MAFI bertanggungjawab untuk menyediakan prasarana asas seperti jalan masuk, saliran utama, pengairan serta kemudahan bekalan air dan elektrik manakala Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk melantik peserta untuk mengusahakan tanah-tanah TKPM yang telah disediakan.

Sehingga tahun 2020, MAFI telah membangunkan kawasan-kawasan TKPM diseluruh negara seperti berikut:

1. 68 TKPM bagi sektor tanaman diseluruh negara dengan keluasan 9,500 hektar;
2. 72 unit kandang untuk ternakan lembu pedaging dan 5 buah kandang lembu tenusu dengan keluasan 10,019 hektar; dan
3. 49 kawasan TKPM – Zon Industri Akualkultur (ZIA) diseluruh negara dengan keluasan 28,172 hektar.

## **SOALAN NO : 30**

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membangunkan TKPM diseluruh negara adalah seperti berikut:

1. TKPM Sektor Tanaman : RM376.80 juta
2. TKPM Sektor Ternakan : RM155.40 juta
3. TKPM Sektor Perikanan : RM146.75 juta

Jumlah nilai pengeluaran yang direkodkan daripada TKPM secara kumulatif sepanjang 5 tahun dari 2015 sehingga 2020 adalah sebanyak RM1.42 bilion. Limpahan ekonomi dari inisiatif TKPM ini dapat dilihat dengan nilai pengeluaran yang berganda dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) dan pada masa yang sama dapat membantu petani dan penternak kecil meningkatkan pendapatan mereka.

Ini adalah sebahagian usaha Kerajaan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan setiap lapisan masyarakat daripada golongan berpendapatan rendah sehingga pemain-pemain industri supaya menceburi bidang pertanian dengan meminimakan kos awalan yang diperlukan. Projek-projek TKPM yang dibangunkan ini terbuka kepada penyertaan oleh petani, penternak, usahawan dan juga syarikat swasta dengan keluasan lot-lot yang ditetapkan secara sewaan tidak melebihi 3 tahun.

Proses permohonan dan temuduga pemohon adalah dijalankan oleh Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perikanan (DOF) di peringkat Negeri bersama wakil daripada agensi-agensi berkaitan di bawah MAFI untuk memastikan pemohon yang ditawarkan tempat di TKPM adalah layak dan berkemampuan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan.

Prestasi peserta projek sentiasa dipantau melalui sasaran output yang telah ditetapkan. Bagi peserta yang berdaya maju dan berprestasi tinggi, tawaran untuk pembaharuan sewaan akan diberikan setelah tamat tempoh sewaan asal. Manakala peserta yang tidak memberikan komitmen atau tidak mencapai sasaran yang ditetapkan akan tindakan yang sewajarnya termasuk penamatan tempoh sewaan.

Sekian, terima kasih.